

3,000 UNIT

sasaran jualan PROTON
Perdana baharu tahu ini

900 UNIT

tempahan PROTON
Perdana baharu diterima

Sektor automotif dijangka terus berdepan kelembapan

BH
817116
mls B7

➔ Persekitaran ekonomi tidak menentu, kenaikan kos sara hidup, persekitaran kredit semakin ketat antara faktor: MAA

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Sektor automotif negara dijangka terus berhadapan persekitaran operasi sukar tahun ini dengan marjin keuntungan yang semakin mengecil.

Sentimen pengguna lemah disebabkan persekitaran ekonomi tidak menentu, antara faktor penyumbang kepada jangkakan penyusutan jualan tahun ini, selain kenaikan kos sara hidup dan persekitaran kredit semakin ketat.

Jualan kenderaan untuk tempoh lima bulan pertama tahun ini menguncup 17.6 peratus tahun-ke-tahun kepada 218,101 unit, demikian menurut data terkini dikeluarkan Persatuan Automotif Malaysia (MAA).

Secara keseluruhan, 38,699 kenderaan penumpang dan 5,970 kenderaan komersial dijual sepanjang Mei 2016, menjadikan angka jualan keseluruhan sebanyak 44,669 unit. Ia mewakili peningkatan enam peratus atau kira-kira 2,492 unit, daripada

42,177 unit yang dijual pada April.

Kelulusan pinjaman ketat


Sebab rasmi diberikan MAA bagi prestasi jualan lemah itu ialah kelulusan pinjaman sewa beli yang lebih ketat oleh Bank Negara Malaysia (BNM), sungguhpun kempen jualan dan pemasaran agresif oleh syarikat automotif membantu menolak naik lebih banyak jualan berbanding April.

Bagaimanapun, MAA menjangka peningkatan jualan pada Jun, disandarkan kepada kempen jualan sambutan Hari Raya dan pengenalan beberapa barisan model baharu.

Dalam pada itu, Toyota kembali merampas kedudukan teratas daripada Honda sebagai kenderaan bukan nasional paling laris dijual pada Mei. Secara keseluruhan, Toyota berada di tangga kedua, selepas Perodua.

Jualan kenderaan Toyota kembali naik pada Mei dengan mencatat peningkatan jualan 50.2 peratus bulan-ke-bulan, berbanding

Perkongsian pasaran terkini 2016



peningkatan industri lima peratus, kepada 6,141 unit, dengan pemacu utama kepada kenaikan ketara itu ialah pelancaran Hilux baharu pada awal Mei.

Terkini, terdapat sekitar 4,000 unit tempahan bagi Hilux dengan tempoh menunggu 1.5 bulan.

Hilux adalah adalah penyumbang kedua terbesar Toyota dari segi jualan, menyumbang sekitar 30 peratus kepada keseluruhan jualan Toyota.

Jualan PROTON lemah

Jualan kenderaan PROTON kekal lemah sepanjang Mei 2016 dengan jumlah jualan sekitar 5,100 unit, penyusutan 38.9 peratus berbanding bulan sama tahun sebelumnya atau penyusutan 13.1 peratus berbanding bulan sebelumnya.

Baru-baru ini PROTON melancarkan model gantian Perdana, yang diposisikan dalam kategori harga kereta segmen C bukan nasional, dengan sasaran jualan 3,000 unit tahun ini, atau purata 400-500 unit sebulan.

Setakat ini sambutan terhadap Perdana baharu itu agak memberangsangkan dengan tempahan diterima sekitar 900 unit.

PROTON dijangka mencatat pemulihan sederhana pada bulan mendatang. Selain Perdana baharu dipasarkan pada harga menarik dalam kelasnya, syarikat itu akan turut melancarkan beberapa model baharu tahun ini, seperti Persona, Saga dan Ertiga.

Sementara itu, menurut RAM Ratings penurunan ketara nilai ringgit pada tahun lalu meningkatkan parut kepada sektor automotif tempatan.

Mengambil kira peningkatan kos mengimport komponen CKD dan peralatan, yang mana kos itu kebanyakannya diserap pengeluar berdasarkan pertimbangan persaingan yang semakin sengit di tengah-tengah permintaan lemah.

"Kebanyakan peserta automotif tempatan sudah melakarkan penguncupan dalam marjin keuntungan sebelum cukai sehingga 10 peratus," kata RAM Ratings.